

Sinar 21/01/2010

Jurujual dakwa dirogol lelaki baru dikenali

M/S N15

KUALA LANGAT - Perkenalannya dengan seorang lelaki mengundang padah kepada seorang jurujual apabila mendakwa dirogol lelaki yang baru dikenali beberapa hari itu dalam satu kejadian di Jugra, Banting dekat sini, Jumaat lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 petang itu, mangsa yang berumur 19 tahun dikatakan sedang menunggu teksi ke tempat kerjanya di sebuah pasar raya di Banting sebelum didatangi suspek bermotosikal.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Mohamad Radzi Ishak berkata, suspek mempelawa mangsa untuk dihantarnya ke tempat kerja dan tanpa mengesyaki apa-apa, mangsa bersetuju.

"Ketika dalam perjalanan, suspek melencong ke sebuah ladang kelapa sawit dengan alasan hendak mengambil barang yang tertinggal di sebuah rumah.

"Setibanya di tempat kejadian, suspek memberhentikan motosikalnya dan kemudian mengugut

mangsa dengan senjata tajam sebelum menolak mangsa ke kawasan semak dan merogolnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, mangsa yang ketakutan cuba melawan namun tidak berdaya. Selepas dirogol, wang tunai dan barang berharga bernilai milik mangsa turut disamun sebelum ditinggalkan bersendirian.

"Hasil siasatan mendapati mangsa berkenalan dengan suspek di pasar raya terbabit dan pernah bertemunya beberapa kali sebelum hari kejadian menyebabkan mangsa berani mengikut suspek.

Mohamad Radzi berkata, polis kini sedang mengesan seorang lelaki India berusia lingkungan 20-an dan gerakan memburu suspek giat dilakukan.

"Kita juga akan mengedarkan fotofit suspek kerana mangsa mendakwa cam wajah suspek. Hubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat menerusi 03-31813614 atau Balai Polis berhampiran bagi bantu siasatan," katanya.